

Kebolegunaan terjemahan *Iltifāt* kata ganti nama Ilahi oleh Yusoff Zaky dalam al-Quran

The usability of translation of the divine's pronoun shift by Yusoff Zaky in al-Quran

Muhammad Hakim Kamal^{1*}, Mohamad Hussin²

¹ Kolej Permata Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Negeri Sembilan, Malaysia, hakimkamal@usim.edu.my, +60125970464.

² Jabatan Bahasa Arab dan Bahasa-bahasa Timur Tengah, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, 50603, Kuala Lumpur, Malaysia, mohamadhussin@um.edu.my, +60198081897

* Corresponding Author: Dr. Muhammad Hakim Kamal, Kolej Permata Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800, Negeri Sembilan, Malaysia, hakimkamal@usim.edu.my, +60125970464, <http://orcid.org/0009-0002-4300-3343>.

ABSTRAK

Kajian memfokuskan terjemahan *iltifāt* Kata Ganti Nama [KGN] Ilahi oleh Yusoff Zaky dalam al-Quran. Tinjauan literatur memperlihatkan *iltifāt* KGN dalam al-Quran kerap diterjemahkan secara literal sekaligus menyukarkan pembaca sasaran memahami entiti sebenar KGN. Terjemahan literal ini dikesan dalam Terjemahan Tafsir Fi Zilalil Qur'an [TFZQ]. Isu terjemahan *iltifāt* KGN semakin kompleks apabila melibatkan pertukaran KGN pola jamak dengan entiti Allah. Oleh sebab itu, penyelidikan kualitatif ini meninjau kualiti terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi oleh Yusoff Zaky daripada aspek kebolegunaan dalam kalangan pembaca sasaran. Data dipilih secara bertujuan, iaitu ayat al-Quran dengan *iltifāt* KGN Ilahi dan terjemahannya dalam TFZQ di samping penggunaan ujian kebolegunaan yang diadaptasi bagi pemerolehan data. Analisisnya secara deskriptif memperlihatkan tahap kebolegunaan terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi oleh Yusoff Zaky dalam kalangan pembaca sasaran adalah tinggi sekiranya teknik eksplisitasi diterapkan. Namun, penggunaan teknik literal semata-mata dalam penterjemahan gaya bahasa berkenaan menyebabkan rendahnya tahap kebolegunaan terjemahan tersebut. Dapatan juga menunjukkan bahawa kewajaran mengaplikasi konsep kebolegunaan dengan pendapat pembaca sasaran menjadi teras dalam penilaian kualiti terjemahan gaya bahasa al-Quran.

Kata Kunci: *Kebolegunaan; Terjemahan; Iltifāt KGN Ilahi; Yusoff Zaky; al-Quran*

ABSTRACT

The study focuses on the translation of the Divine's pronoun shift by Yusoff Zaky in the Quran. A review of the literature reveals that pronoun shift in the Quran is often highlighted with mismatched translations and causes difficulties for the target reader to understand the real entity of pronoun. This literal translation was founded in Tafsir Fi Zilalil Qur'an [TFZQ]. The translation issue of the pronoun shift becomes more complex when it involves the exchange of plural pronoun, yet the pronoun's entity refers to Allah. Therefore, this qualitative research review the translation quality of the Divine's pronoun shift by Yusoff Zaky from the point of view of usability among target readers. The selected data is verses of the Quran with the Divine's pronoun shift and its translation in Tafsir Fi Zilalil Qur'an [TFZQ] as well as usability tests usage which is adapted for data collection. The descriptive analysis shows that usability of the translation of the Divine's pronoun shift by Abdullah is high if the explicitation technique is applied. However, the use of literal techniques in translating this stylistic causes a low usability of the translation. Findings also show the appropriateness of applying the concept of usability which is based on opinions of the target readers in the translation quality assessment of the Quran stylistics.

Keywords: Usability; Translation; The Divine's Pronoun Shift; Yusoff Zaky; Quran

Received: May 27, 2023

Accepted: October 25, 2023

Online Published: Nov 30, 2023

Pengenalan

Iltifāt Kata Ganti Nama [KGN] Ilahi bererti pertukaran suatu kata kepada kata selainnya dengan keterlibatan KGN Ilahi yang mana kedua-dua komponen *iltifāt* tersebut merujuk kepada entiti yang sama, iaitu Allah SWT (Ṭabl, 1998). al-Farisi (2017) menegaskan bahawa penterjemahan *iltifāt* KGN Ilahi secara literal menyukarkan pembaca sasaran memahami entiti sebenar KGN *iltifāt*. Ini berpunca daripada pendekatan literal yang menyebabkan terjemahan *iltifāt* kurang maklumat dan kualiti [*inadequate translation*] memandangkan sistem bahasa dan budaya yang berbeza antara bahasa Arab dengan bahasa sasaran (al-Farisi, 2017). Misalnya, padanan terjemahan ayat 54 surah *al-Anfāl*:

﴿...كَذَّبُوا بِآيَاتِ رَبِّهِمْ فَأَهْلَكْنَاهُمْ بِذُنُوبِهِمْ...﴾ (٥٤)

Terjemahan: “...Mereka mendustakan ayat-ayat **Tuhamnya**, maka **Kami membinasakan mereka disebabkan oleh dosa-dosanya... (54)**” (surah *al-Anfāl* 8: 54).

Ayat ini mengandungi pertukaran Kata Nama Khas رَبَّ kepada KGN pertama jamak نَحْنُ pada kata أَهْلَكْنَا dan kedua-dua Kata Nama tersebut merujuk kepada Allah (Ṭabl, 1998). Terjemahan Kementerian Hal Ehwal Agama Indonesia [KHEAI] bagi *multafat* ‘*anhu* [رَبَّ] [*Tuhan*] dan *multafat ilayhi* [نَحْنُ] [*Kami*] dalam ayat berkenaan secara literal mengelirukan pembaca memandangkan teks sasaran seakan-akan menggambarkan berbezanya entiti “*Tuhan*” dengan entiti “*Kami*” sekaligus menunjukkan kesukaran memahami entiti KGN *iltifāt* dalam terjemahan (al-Farisi, 2015). Ini berpunca daripada KGN “*Kami*” yang tidak dijelaskan menyebabkan pembaca sasaran yang tidak mempunyai pengetahuan berkaitan fenomena *iltifāt* beranggapan bahawa KGN “*Kami*” tersebut berkisarkan entiti selain Allah. SWT (al-Farisi, 2015).

Pada dasarnya, pendekatan yang diterapkan dalam menilai kualiti teks terjemahan berteraskan ketepatan makna, pengekalannya laras bahasa teks sumber, persamaan tindak balas dan keberkesanan proses komunikasi (Choong, 2013). Namun, kualiti terjemahan akan tercapai sekiranya kehendak dan cita rasa pembaca sasaran dipenuhi di samping penggunaan laras bahasa sasaran yang sesuai (Wan Hashim, 2008). Maka, tidak hairanlah apabila Byrne (2006) menegaskan bahawa terjemahan yang baik adalah lebih daripada sekadar “gudang” yang dipenuhi maklumat. Bermutunya teks sasaran apabila mengandungi maklumat yang diperlukan oleh pengguna, iaitu info bercirikan ringkas, tepat, teratur dan padat (Byrne, 2006).

Jordan (1998) mengatakan bahawa pengguna akan berasa terganggu dan tidak selesa jika produk yang digunakan mempunyai tahap kebolegunaan yang rendah. Dunia pada zaman ini sarat dengan peralatan canggih bertujuan memudahkan dan memberikan kepuasan kepada pengguna. Namun, jika peralatan tersebut sukar dikendalikan, maka ini menghalang penggunaannya secara optimum (Jordan, 1998). Kualiti penggunaan pada dasarnya bermaksud sejauh mana sesuatu produk memenuhi keperluan pengguna dan membantunya mencapai objektif yang disasarkan (Bevan 1995b, 1997). Matlamat yang dikehendaki oleh pengguna sewajarnya dicapai secara berkesan, adanya produktiviti dan kepuasan. Hal ini

demikian kerana kebolegunaan sesuatu produk dirumuskan berdasarkan tahap keunggulan (keberkesanan, kecekapan dan kepuasan), kefungsiannya (memenuhi keperluan tersurat dan tersirat) serta kebolehpercayaan (keupayaan produk dalam mengekalkan prestasi) (Bevan, 1997).

Permasalahan Kajian

Kompleksnya penterjemahan sekiranya ada keterlibatan laras bahasa yang dianggap janggal atau tiada padanannya dengan ciri bahasa sasaran. Misalnya, *iltifāt* yang terdapat dalam bahasa Arab tetapi tiada dalam sistem bahasa lain. Meskipun *iltifāt* wujud dan sebatu dalam kalangan orang Arab, namun laras bahasa ini dianggap janggal bagi orang Barat (Robinson, 1999; Abdul-Raof, 2001). Noldeke dalam Robinson (1999) mendakwa bahawa fenomena pertukaran Kata Ganti Nama [KGN] yang tinggi pengulangan penggunaannya dalam al-Quran adalah bukti kurangnya kohesi teks ini dan adanya modifikasi. Contohnya, ayat 40 surah *al-Ma'ārij*:

﴿فَلَا أَقْسِمُ بِرَبِّ الْمَشَارِقِ وَالْمَغَارِبِ إِنَّا لَقَادِرُونَ (40)﴾

Terjemahan: “No! **I swear** by the **Lord** of the Eastern places and the Western places that We are able to replace them with someone better than they are (40)” (surah *al-Ma'ārij* 70: 40).

Noldeke dalam Robinson (1999) tidak menafikan perlakuan Tuhan yang menceritakan tentang zatNya dalam al-Quran dengan menerapkan KGN pertama tunggal, KGN pertama jamak dan KGN ketiga. Namun, KGN pertama tunggal أَنَا [I] dalam ayat tersebut kelihatan merujuk kepada nabi Muhammad dan ini menunjukkan bahawa ayat tersebut dimodifikasi oleh beliau bertujuan mengisytiharkan bahawa Tuhan menceritakan perlakuan nabi Muhammad (Robinson, 1999). Dakwaan Noldeke bahawa entiti KGN أَنَا dalam ayat di atas berkisarkan nabi Muhammad hakikatnya tidak tepat memandangkan adanya KGN pertama أَنَا yang ditukarkan kepada Kata Nama Khas رَبِّ yang mana kedua-dua Kata Nama berkenaan merujuk kepada entiti yang sama, iaitu Allah (Ṭabl, 1998). Jika diamati, timbulnya miskonsepsi terhadap entiti KGN *iltifāt* apabila KGN tersebut diterjemahkan secara literal. Maka, tidak hairanlah apabila Zaenuddin et al. (2009), al-Farisi (2015) dan al-Farisi (2017) menegaskan bahawa terjemahan ayat al-Quran dengan *iltifāt* KGN Ilahi berkemungkinan mengandungi ralat. Ini kerana *iltifāt* KGN sering diserlahkan dalam bahasa sasaran secara literal. Terjemahan Tafsir Fi Zilalil Qur'an [TFZQ] cetusan Yusoff Zaky cenderung kepada terjemahan literal bagi *iltifāt* KGN. Contohnya, Allah SWT berfirman:

﴿هُوَ الَّذِي يُسَيِّرُكُمْ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ حَتَّىٰ إِذَا كُنْتُمْ فِي الْفُلِكِ وَجَرَيْنَ بِهِمْ... (٢٢)﴾

Terjemahan Yusoff Zaky: “Dialah yang membolehkan **kamu** melakukan perjalanan di daratan dan lautan sehingga apabila **kamu** berada di dalam bahtera dan ia berjalan dengan laju membawa **mereka**... (22)” (surah *Yūnus* 10: 22).

Iltifāt KGN dalam firman ini jenis KGN kedua أَنْتُمْ [kamu] kepada KGN ketiga هُمْ [mereka] dan kedua-dua KGN tersebut berkaitan golongan kafir (Ibn Kathīr, 1998). Terjemahan *iltifāt* berkenaan secara literal, iaitu “kamu” dan “mereka” seolah-olah menyerlahkan makna

dalam teks sasaran bahawa bahawa bahtera yang diceritakan hanya membawa “*mereka*”, tidak membawa “*kamu*” sekaligus entiti KGN “*kamu*” seakan-akan berbeza dengan entiti KGN “*mereka*” dalam TFZQ.

Karya terjemahan merupakan produk yang terhasil dalam proses penterjemahan dan dalam proses ini, ada peringkat yang dinamakan Penilaian Kualiti Terjemahan (Larson, 1984). Dalam konteks penyelidikan ini, kualiti merujuk kepada piawaian bertujuan menentukan baik atau buruk sesuatu produk. Dessler (2000) mengatakan bahawa kualiti bererti ciri sesuatu produk yang memenuhi keperluan pengguna dan atribut bagi merumuskan kualiti tersebut perlu ditentukan memandangkan setiap produk berbeza antara satu dengan yang lain. Menurut Choong (2013), kualiti teks terjemahan kerap dinilai dari sudut ketepatan makna, pengekalannya laras bahasa, persamaan tindak balas dan keberkesanan proses komunikasi yang mana berkisarkan penterjemah dan perbandingan antara teks sumber dengan teks sasaran. Teks sasaran jarang dinilai dari sudut kebolegunaan yang berteraskan pengguna, iaitu pembaca sasaran (Choong, 2013).

Oleh hal yang demikian, kajian ke atas pengguna teks terjemahan dilihat signifikan memandangkan sekiranya kehendak dan keperluan pembaca sasaran terhadap teks terjemahan tidak dipenuhi, maka teks sasaran tersebut dilabel kurang berkualiti. Tambahan pula, pengguna terdiri daripada individu dengan tabii dan kehendak yang berbeza (Faulkner, 1998). Maka, relevannya melibatkan pembaca sasaran, iaitu pengguna bagi tujuan merumuskan kualiti terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi oleh Yusoff Zaky dalam al-Quran.

Konsep Kebolegunaan dalam Penilaian Kualiti Terjemahan

Suatu yang pasti ialah kurangnya penyelidikan yang berteraskan konsep kebolegunaan dalam menilai kualiti teks terjemahan. Hal ini demikian kerana kebanyakan kajian berkisarkan kebolegunaan didapati cenderung kepada antara muka [*interface*] perisian komputer (Choong, 2013). Hakikatnya, konsep kebolegunaan tidak hanya tertumpu kepada antara muka [*interface*] sesuatu perisian atau sistem komputer, tetapi juga berkisarkan aspek lain yang berkaitan produk (Jordan, 1998; Byrne, 2006; Leventhal & Barnes, 2008). International Standards Organization dalam Jordan (1998) mengatakan bahawa kebolegunaan bermaksud sejauh mana sesuatu produk membantu pengguna menyelesaikan tugas dengan berkesan [*effectiveness*] dalam masa yang singkat [*efficiency*] di samping kepuasan [*satisfaction*] terhadap produk.

Bevan (1995a) berpendapat sesuatu produk hanya dilabelkan sebagai berkualiti jika produk berkenaan mengandungi persepsi kualiti yang dikehendaki oleh pengguna [*user perceived quality*]. Konsep kebolegunaan [*usability*] menentukan keberkesanan suatu teks terjemahan (Choong, 2013). Dalam konteks penilaian kualiti terjemahan, jika suatu teks sasaran tidak memenuhi jangkaan pembaca, maka kualiti terjemahannya dianggap rendah. Sebaliknya, sekiranya teks sasaran memenuhi jangkaan pembacanya, maka kualiti terjemahan ditakrifkan sebagai berkualiti (Bevan, 1995a). Pada dasarnya, ada tiga teknik dalam menilai kebolegunaan produk, iaitu penilaian oleh golongan pengguna (ujian pengguna), penilaian analisis dan penilaian golongan pakar (Leventhal & Barnes, 2008). Teknik penilaian pengguna merujuk kepada ujian pengguna yang mana maklum balas, pendapat dan persepsi

daripada pembaca sasaran dikumpulkan sama ada dalam bentuk objektif, subjektif, kualitatif atau kuantitatif (Leventhal & Barnes, 2008). Penilaian kebolegunaan berdasarkan kumpulan pengguna membolehkan penerimaan produk akhir dikesan.

Bertitik tolak daripada ini, penilaian kualiti terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi oleh Yusoff Zaky dalam al-Quran adalah berdasarkan ujian kebolegunaan kategori penilaian tinjauan pendapat pengguna, iaitu pembaca sasaran. Hal ini demikian kerana sikap, pendapat dan persepsi pengguna mempengaruhi rekaan dan pembentukan sesuatu produk (Preece et al., 1994). Ini juga mengelakkan daripada penghasilan produk yang tidak memenuhi keperluan dan kehendak pengguna sekaligus tiada pembaziran kos dan masa (Preece et al., 1994). Suatu yang pasti ialah pendapat dan maklumat bersifat subjektif daripada pengguna membolehkan pemerolehan data berkaitan sikap dan persepsi pengguna terhadap produk sekaligus menentukan sama ada produk memenuhi keperluan pengguna atau sebaliknya.

Metodologi Kajian

Kajian berteraskan pendekatan kualitatif dengan jenis deskriptif yang mana konsep kebolegunaan cetusan Quesenbery (2001) menjadi kerangka teoritikal. Ini bertujuan meninjau sejauh mana kualiti terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi oleh Yusoff Zaky dari sudut kebolegunaan. Quesenbery (2001) berpendapat definisi kebolegunaan gagasan International Standards Organization boleh diperluaskan dengan menitikberatkan atribut seperti berikut:

- 1) Berkesan [*effective*]: Kemampuan pengguna untuk menyelesaikan tugas secara tepat dan menyeluruh.
- 2) Mudah dipelajari [*easy to learn*]: Produk mudah untuk dipelajari sekaligus membolehkan pengguna menyesuaikan diri dengan produk berkenaan di samping menjalankan tugas tanpa bantuan luar.
- 3) Cekap [*efficient*]: Ketangkasan pengguna dalam menyelesaikan sesuatu tugas dengan tepat.
- 4) Menarik [*engaging*]: Produk yang memudahkan dan mesra pengguna.
- 5) Toleransi terhadap ralat [*error tolerant*]: Bertujuan mengelakkan kesilapan yang berpunca daripada miskonsepsi interaksi pengguna. Atribut ini membantu pengguna agar bebas daripada ralat.

Maka model kebolegunaan dirangka dengan gabungan atribut yang digariskan. Model ini mengandungi empat atribut yang menjadi kayu ukur dalam penentuan kebolegunaan terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi dalam al-Quran. Empat atribut tersebut ialah:

- 1) Berkesan [*effective*]: Terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi yang berkesan merujuk kepada terjemahan komponen *iltifāt* yang membantu pembaca memahami terjemahan ayat al-Quran secara menyeluruh. Dalam konteks kajian ini, penerapan istilah *effective* taksonomi Quesenbery (2001) hakikatnya selari dengan istilah "*effectiveness*" oleh International Standards Organization memandangkan kedua-duanya mengandungi konsep yang sama.
- 2) Mudah dipelajari [*easy to learn*]: Terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi dalam al-Quran mudah dipelajari bermaksud terjemahan *iltifāt* difahami tanpa menuntut usaha yang berlebihan.

“Mudah dipelajari” pada dasarnya selari dengan istilah kebolehbelaajaran [*learnability*] taksonomi Nielsen (1993), iaitu mampu untuk dipelajari.

3) Cekap [*efficient*]: Pembaca sasaran memahami terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi dalam masa yang singkat. Dalam konteks penyelidikan ini, atribut “*efficient*” taksonomi Quesenbery (2001) adalah bersinonim dengan istilah “*efficiency*” yang diutarakan oleh International Standards Organization dalam Jordan (1998).

4) Kepuasan [*satisfaction*]: Atribut kepuasan bermaksud pembaca sasaran berasa selesa semasa membaca terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi dalam al-Quran.

Atribut “menarik” dan “toleransi terhadap ralat” cetusan Quesenbery (2001) tidak dipertimbangkan dalam kajian ini. Hal ini demikian kerana atribut “menarik” dilihat selari dengan istilah “kepuasan” yang diutarakan oleh International Standards Organization dalam Jordan (1998), iaitu berkisarkan perasaan selesa dengan sesuatu produk yang digunakan dalam pelaksanaan tugas. Memandangkan atribut “toleransi terhadap ralat” cenderung kepada aplikasi sistem antara muka, iaitu interaksi antara pengguna dengan sistem berkomputer tanpa keterlibatan aktiviti penterjemahan, maka atribut ini tidak difokuskan dalam kajian.

Ujian kebolehgunaan terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi oleh Yusoff Zaky berbentuk soal selidik tertutup yang diadaptasi daripada ujian kebolehgunaan Choong (2013) memandangkan penyelidikannya berkisarkan aplikasi konsep kebolehgunaan dalam penilaian kualiti terjemahan. Lampiran instrumen soal selidik tersebut diajukan terlebih dahulu kepada panel pakar yang berlatarbelakangkan jurusan Linguistik Arab dan Terjemahan Arab-Melayu bagi tujuan kesahan sebelum diterapkan dalam kajian sebenar. Ini kerana kaedah kebolehppercayaan antara pemeriksa bukan sahaja bagi tujuan pengesahan, malah ini juga menyumbang kepada peningkatan kualiti dan tahap keseriusan kajian (Syed Nurulakla, 2015). Responden terdiri daripada 12 penutur jati bahasa Melayu dalam kalangan peserta kelas tafsir al-Quran anjuran RH Qiroat Centre yang merupakan orang awam, berstatus dewasa, iaitu berumur 18 tahun ke atas (Pesuruhjaya Penyemak Undang- Undang, 2006) dan berkemampuan untuk membaca al-Quran. Saiz sampel, iaitu 12 adalah berdasarkan aspek tepuan [*saturation*]. Tepuan data dalam proses penyelidikan dicapai apabila tiada lagi maklumat baharu didapati dalam penganalisan data (Faulkner & Trotter, 2017). Ciri tepuan hakikatnya adalah kayu ukur utama untuk menentukan jumlah responden kategori persampelan bertujuan (Guest et al., 2006). Malah, aspek tepuan merupakan prinsip asas dalam mencapai kualiti penyelidikan kualitatif dan kegagalan untuk menyerlahkan ciri tepuan data akan mempengaruhi kualiti kajian (Sparkes et al., 2012; Fusch & Ness, 2015). Suatu yang pasti ialah saiz sampel minimum untuk mencapai saturasi data adalah sebanyak 12 responden (Guest et al., 2006; Fugard & Potts, 2015; Braun & Clarke, 2016).

Dapatan ujian dianalisis berdasarkan pengiraan asas dalam perisian Microsoft Excel 2019, iaitu kaedah matematik mudah. Ini kerana dapatan ujian kebolehgunaan terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi dalam al-Quran dihuraikan daripada sudut kekerapan responden memilih skala Likert (skala 5 (sangat bersetuju), 4 (bersetuju), 3 (neutral), 2 (tidak bersetuju), skala 1 (sangat tidak bersetuju) di samping purata bagi setiap atribut kebolehgunaan dan pernyataan dalam soal selidik tertutup. Dapatan ujian hanya dianalisis dengan huraian deskriptif bagi tujuan merumuskan kebolehgunaan terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi oleh Yusoff Zaky. Dalam pada itu, teknik terjemahan taksonomi Vinay dan Darbelnet (2000) diterapkan bertujuan mengenalpasti teknik yang digunakan oleh Yusoff Zaky ketika menterjemahkan *iltifāt* KGN Ilahi dalam al-Quran. Vinay dan Darbelnet (2000) menegaskan bahawa penterjemahan suatu

ayat atau leksikal yang bersifat mikro melibatkan 10 teknik terjemahan, iaitu teknik peminjaman [*borrowing*], pinjam terjemah [*calque*] dan terjemahan literal [*literal translation*], teknik transposisi [*transposition*], pengubahan [*modulation*], padanan [*equivalence*], pengadaptasian [*adaptation*], eksplisitasi [*explicitation*], pengguguran [*omission*] dan teknik generalisasi [*generalization*] (Vinay & Darbelnet, 2000).

Fokus kajian adalah kebolegunaan terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi dalam al-Quran berdasarkan TFZQ cetusan Yusoff Zaky (2000). Dapatan dan perbincangan berkaitan kebolegunaan terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi oleh Yusoff Zaky dalam al-Quran melalui prosedur berikut:

1. 10 ayat al-Quran dengan *iltifāt* KGN Ilahi dipilih secara bertujuan.
2. Padanan terjemahannya dalam bahasa Melayu adalah berteraskan TFZQ karya Yusoff Zaky memandangkan kerapnya teks sasaran ini dirujuk oleh masyarakat Melayu di samping menjadi bahan pengajian tafsir al-Quran di Malaysia.
3. Empat daripada keseluruhan sampel dianalisis daripada sudut teknik dan kualiti terjemahannya.
4. Perbandingan antara *iltifāt* KGN Ilahi dalam al-Quran dan terjemahannya menyerlahkan pendekatan terjemahan yang diterapkan oleh Yusoff Zaky sekaligus kualiti terjemahannya dirumuskan daripada sudut kebolegunaan dalam kalangan pembaca sasaran.

Dapatan dan Perbincangan

Bagi menganalisis kebolegunaan terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi oleh Yusoff Zaky dalam al-Quran, 10 sampel berkaitan gaya bahasa *iltifāt* KGN Ilahi, terjemahan Yusoff Zaky dan teknik terjemahannya berdasarkan taksonomi Vinay dan Darbelnet (2000) dinyatakan dalam jadual 1 berikut:

Jadual 1: *Iltifāt* KGN Ilahi dalam al-Quran

| Ayat <i>iltifāt</i> KGN Ilahi | Multafat 'anhu | Multafat ilayhi | Teknik terjemahan |
|--|-------------------|--------------------|-----------------------------------|
| ﴿سَلِّ بَنِي إِسْرَائِيلَ كَمَا آتَيْنَاهُمْ مِنْ آيَةٍ بَيِّنَةٍ وَمَنْ يُبَدِّلْ نِعْمَةَ اللَّهِ مِنْ بَعْدِ مَا جَاءَتْهُ فَإِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ﴾ (٢١١) | نَحْنُ "Kami" | الله "Allah" | Teknik literal jenis morfem bebas |
| Terjemahan Yusoff Zaky: "Tanyakanlah bani Israel: Berapa banyak bukti kebenaran yang telah Kami kurniakan kepada mereka. Dan sesiapa yang menukarkan nikmat Allah setelah ia datang kepadanya, maka sesungguhnya Allah amat keras keseksannya" (surah al-Baqarah 2: 211) | | | |

| Ayat <i>iltifāt</i> KGN Ilahi | Multafat ' <i>anhu</i> | Multafat <i>ilayhi</i> | Teknik terjemahan |
|--|--|---------------------------|---|
| <p>﴿لَقَدْ سَمِعَ اللَّهُ قَوْلَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ فَقِيرٌ وَنَحْنُ أَغْنِيَاءُ سَنَكْتُبُ مَا قَالُوا...﴾ (١٨١)</p> <p>Terjemahan Yusoff Zaky: “<i>Sesungguhnya Allah telah mendengar perkataan orang-orang yang mengatakan: “Sesungguhnya Allah itu miskin dan Kamilah orang-orang yang kaya. Kami akan mencatatkan segala apa yang telah dikatakan mereka...”</i> (surah <i>Āli ‘Imrān</i> 3: 181)</p> | <p>الله “Allah”</p> | <p>نَحْنُ “Kami”</p> | <p>Teknik literal jenis morfem bebas</p> |
| <p>﴿وَاللَّهُ الَّذِي أَرْسَلَ الرِّيحَ فَتُثِيرُ سَحَابًا فَسُقْتَاهُ إِلَى بَلَدٍ مَيِّتٍ...﴾ (٩)</p> <p>Terjemahan Yusoff Zaky: “<i>Dan Allahlah yang melepaskan angin lalu ia menggerakkan awan (yang membawa hujan) dan Kami membawakannya ke negeri yang mati (gersang)...</i>” (surah <i>Fāṭir</i> 35: 9)</p> | <p>الله “Allah”</p> | <p>نَحْنُ “Kami”</p> | <p>Teknik literal jenis morfem bebas</p> |
| <p>﴿...وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ فَسَوْفَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا﴾ (١١٤)</p> <p>Terjemahan Yusoff Zaky: “<i>dan sesiapa yang berbuat demikian kerana mencari keredaan Allah, maka Allah akan mengurniakan kepadanya pahala yang amat besar</i>” (surah <i>al-Nisā’</i> 4: 114).</p> | <p>نَحْنُ “Kami”</p> | <p>الله “Allah”</p> | <p>Teknik literal jenis morfem bebas, teknik eksplisitasi jenis pengkhususan</p> |
| <p>﴿خَلَقَ السَّمَاوَاتِ بِعَيْنٍ عَمَدٍ تَرَوْنَهَا وَالْأُتَى فِي الْأَرْضِ رَوَاسِيَ أَنْ تَمِيدَ بِكُمْ وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ وَأَنْزَلْنَا مِنَ السَّمَاءِ مَاءً...﴾ (١٠)</p> <p>Terjemahan Yusoff Zaky: “<i>Dia (Allah) telah menciptakan langit tanpa sebarang tiang yang dapat dilihat oleh kamu dan Dia pacakkan di bumi gunung-ganang yang memantapkannya supaya ia tidak menghoyong-hayangkan kamu dan Dia sebarkan di bumi segala jenis binatang dan Kami turunkan air dari langit...(10)</i>” (surah <i>Luqmān</i> 31: 10)</p> | <p>هُوَ “Dia (Allah), Dia”</p> | <p>نَحْنُ “Kami”</p> | <p>Teknik eksplisitasi jenis maklumat dalam kurungan, teknik literal jenis morfem bebas</p> |

| Ayat <i>iltifāt</i> KGN Ilahi | Multafat ' <i>anhu</i> | Multafat <i>ilayhi</i> | Teknik terjemahan |
|---|---------------------------|---|--|
| <p>﴿وَإِنْ تَعُدُّوا نَعْدًا وَلَنْ تُنْعِي عَنْكُمْ فَمَتَّكُمْ سَيِّئًا وَلَوْ كَثُرَتْ وَأَنَّ اللَّهَ مَعَ الْمُؤْمِنِينَ﴾ (١٩)</p> <p>Terjemahan Yusoff Zaky: "...dan jika kamu kembali (menentang rasulullah) nescaya Kami kembali kepada permusuhan, sedangkan kumpulan kamu tidak akan dapat mempertahankan kamu sedikit pun walaupun sebanyak mana bilangan mereka. Dan sesungguhnya Allah tetap bersama para mukmin" (surah <i>al-Anfāl</i> 8: 19)</p> | <p>نَحْنُ "Kami"</p> | <p>الله "Allah"</p> | <p>Teknik literal jenis morfem bebas</p> |
| <p>﴿سَنُقَرِّبُكَ فَلَا تَنْسَى (٦) إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ...﴾ (٧)</p> <p>Terjemahan Yusoff Zaky: "(Wahai Muhammad!) Kami akan bacakan al-Quran kepadamu. Oleh itu, engkau tidak akan lupa (6) Kecuali apa yang dikehendaki Allah...(7)" (surah <i>al-A'la'</i> 87: 6-7)</p> | <p>نَحْنُ "Kami"</p> | <p>الله "Allah"</p> | <p>Teknik literal jenis morfem bebas, teknik transposisi wajib</p> |
| <p>﴿وَاصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ فَإِنَّكَ بِأَعْيُنِنَا...﴾ (٤٨)</p> <p>Terjemahan Yusoff Zaky: "Sabarlah (wahai Muhammad) menunggu keputusan Tuhanmu sesungguhnya engkau berada di mata Kami..." (surah <i>al-Tūr</i> 52: 48).</p> | <p>رَبِّ "Tuhan"</p> | <p>نَحْنُ "di mata Kami"</p> | <p>Teknik literal jenis morfem bebas</p> |
| <p>﴿فَلَا أُقْسِمُ بِرَبِّ الْمَشَارِقِ...﴾ (٤٠)</p> <p>Terjemahan Yusoff Zaky: "Oleh itu, Aku bersumpah dengan Tuhan yang memiliki arah-arah Timur...(40)" (surah <i>al-Ma'ārij</i> 70: 40)</p> | <p>أَنَا "Aku"</p> | <p>رَبِّ "Tuhan"</p> | <p>Teknik literal jenis morfem bebas</p> |
| <p>﴿فَلَا أُقْسِمُ بِالْخُنُفِ (١٥) الْجَوَارِ الْكُنَّسِ (١٦) وَاللَّيْلِ إِذَا عَسْعَسَ (١٧) وَالصُّبْحِ إِذَا تَنَفَّسَ (١٨) إِنَّهُ لَقَوْلُ رَسُولٍ كَرِيمٍ (١٩) ذِي قُوَّةٍ عِنْدَ ذِي الْعَرْشِ مَكِينٍ﴾ (20)</p> <p>Terjemahan Yusoff Zaky: "Sesungguhnya Aku bersumpah dengan bintang-bintang (15) Yang muncul dan menghilang (16) Dan demi malam ketika ia menggelap (17) Dan demi pagi ketika ia mula bernafas (18) Sesungguhnya al-Quran itu perkataan utusannya yang mulia (Jibril) (19) Yang gagah perkasa dan mempunyai kedudukan yang teguh di sisi Allah yang memilik Arasy (20)" (surah <i>al-Takwīr</i> 81: 15-20)</p> | <p>أَنَا "Aku"</p> | <p>ذِي الْعَرْشِ "Allah yang memilik Arasy"</p> | <p>Teknik literal jenis morfem bebas, teknik eksplisitasi jenis pengkhususan</p> |

Berdasarkan jadual 1, makna KGN Ilahi bercirikan *iltifāt* dalam teks terjemahan didapati mengelirukan pembaca sasaran sekaligus menimbulkan miskonsepsi terhadap entiti KGN berkenaan sekiranya pendekatan terjemahan literal diaplikasi. Suatu yang jelas ialah KGN Ilahi berunsur *iltifāt*, iaitu *نَحْنُ* dan *أَنَا* kerap diterjemahkan oleh Yusoff Zaky secara literal jenis morfem bebas. Penerapan teknik literal berkenaan menyebabkan teks sasaran menyerlahkan makna yang menyimpang daripada maksud asal teks sumber memandangkan pola *multafat 'anhu* dan *multafat ilayhi* dalam terjemahan tidak konsisten. Ketidaktekalan ini seolah-olah menunjukkan bahawa entiti *multafat 'anhu* dan entiti *multafat ilayhi* adalah berbeza antara satu dengan yang lain. Selanjutnya, huraian tentang kualiti terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi oleh Yusoff Zaky daripada sudut kebolegunaan dikemukakan berdasarkan sampel terpilih.

Sampel 1

﴿لَقَدْ سَمِعَ اللَّهُ قَوْلَ الَّذِينَ قَالُوا إِنَّ اللَّهَ فَقِيرٌ وَنَحْنُ أَغْنِيَاءُ سَنَكْتُبُ مَا قَالُوا...﴾ (١٨١)

Terjemahan Yusoff Zaky: “*Sesungguhnya Allah telah mendengar perkataan orang-orang yang mengatakan: “Sesungguhnya Allah itu miskin dan Kamilah orang-orang yang kaya. Kami akan mencatatkan segala apa yang telah dikatakan mereka... (181)”* (surah *Āli ‘Imrān* 3: 181).

Jadual 2: Peratusan atribut kebolegunaan terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi bagi sampel pertama

| Sampel 1 | Maklum balas (%) | | | | |
|---|------------------|------|------|------|------|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| Atribut keberkesanan (bantu kefahaman menyeluruh) | 25 | 16.7 | 0 | 41.7 | 16.7 |
| Atribut kebolehbelaian (difahami) | 8.3 | 33.3 | 25 | 25 | 8.3 |
| Atribut kecekapan (penggunaan masa yang singkat) | 8.3 | 41.7 | 16.7 | 25 | 8.3 |
| Atribut kepuasan (berasa selesa) | 16.7 | 25 | 25 | 25 | 8.3 |

Itifāt KGN Ilahi dalam ayat berkenaan adalah Kata Nama Khas *الله* kepada KGN pertama jamak *نَحْنُ* pada kata *سَنَكْتُبُ* dan kedua-dua Kata Nama ini merujuk kepada Allah (Ṭabl, 1998). Teknik literal jenis morfem bebas digunakan Yusoff Zaky ketika menterjemahkan *multafat 'anhu* [*نَحْنُ*] [*Kami*] dan *multafat ilayhi* [*الله*] [*Allah*]. KGN *نَحْنُ* [*Kami*] diterjemahkan olehnya secara literal jenis morfem bebas dengan awalan huruf besar untuk mengisyaratkan kepada entiti ketuhanan. Namun begitu, terjemahan rangkai kata *نَحْنُ أَغْنِيَاءُ سَنَكْتُبُ* kepada “*Kamilah orang-orang yang kaya. Kami akan mencatatkan*” oleh Yusoff Zaky seakan-akan menunjukkan bahawa entiti KGN “*Kami*” yang pertama dan entiti KGN “*Kami*” yang kedua adalah sama. Hakikatnya, entiti KGN “*Kami*” yang pertama dalam rangkai kata *نَحْنُ أَغْنِيَاءُ* [*Kamilah orang-orang yang kaya*] merujuk kepada orang kafir manakala entiti KGN “*Kami*” yang kedua dalam rangkai kata [*سَنَكْتُبُ*] merujuk kepada Allah (Ibn ‘Āsyūr, 1984). Maka, terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi secara literal oleh Yusoff Zaky mempengaruhi kebolegunaan terjemahan *iltifāt* dalam kalangan pembaca sasaran.

Daripada jadual 2, didapati 41.7% responden tidak bersetuju bahawa terjemahan Yusoff Zaky [*Kami akan mencatatkan*] membantu kefahaman terjemahan secara menyeluruh dengan 25% daripada mereka sangat tidak bersetuju. Seterusnya, 41.6% responden tidak bersetuju bahawa terjemahan Yusoff Zaky difahami di samping 25% responden yang lain berkecuali dalam menyatakan pendapat tentang kebolehbelaian terjemahan Yusoff Zaky.

Ini memperlihatkan pendekatan literal jenis morfem bebas oleh Yusoff Zaky [*Kami akan mencatatkan*] kurang membantu responden memahami entiti KGN *iltifāt*. Tambahan pula, terjemahan rangkai kata sebelum terjemahan *iltifāt* [*Kamilah orang-orang yang kaya*] oleh Yusoff Zaky menambahkan kekeliruan terhadap entiti “*Kami*” dalam terjemahan *iltifāt* [*Kami mencatatkan*] memandangkan kedua-dua entiti KGN ini adalah berbeza antara satu dengan yang lain. Selain itu, 50% responden tidak bersetuju bahawa mereka menggunakan masa yang singkat untuk memahami terjemahan Yusoff Zaky [*Kami mencatatkan*]. Hal ini demikian kerana terjemahan rangkai kata sebelum KGN *iltifāt* dalam terjemahan Yusoff Zaky, iaitu “*Kamilah orang-orang yang kaya*” juga mengandungi “*Kami*” dengan awalan huruf besar walhal entitinya ialah golongan kafir. Maka ini menyebabkan responden memerlukan masa yang lama untuk memahami entiti KGN Ilahi dengan *iltifāt* [*Kami*] dalam terjemahan Yusoff Zaky.

Di samping itu, 41.7% responden tidak bersetuju bahawa terdapat atribut kepuasan dalam terjemahan Yusoff Zaky [*Kami mencatatkan*] yang mana 25% responden yang lain berkecuali dalam menyatakan pandangan tentang atribut kepuasan terjemahan Yusoff Zaky. Oleh hal yang demikian, terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi oleh Yusoff Zaky dalam sampel pertama datang dengan tahap kebolegunaan yang rendah daripada sudut kualiti terjemahannya.

Sampel 2

﴿...وَمَنْ يَفْعَلْ ذَلِكَ ابْتِغَاءَ مَرْضَاتِ اللَّهِ فَسَوْفَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا (١١٤)﴾

Terjemahan Yusoff Zaky: “*dan sesiapa yang berbuat demikian kerana mencari keredaan Allah, maka Allah akan mengurniakan kepadanya pahala yang amat besar (114)*” (surah *al-Nisā*’ 4: 114).

Jadual 3: Peratusan atribut kebolegunaan terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi bagi sampel kedua

| Sampel 2 | Maklum balas (%) | | | | |
|---|------------------|---|---|------|------|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| Atribut keberkesanan (bantu kefahaman menyeluruh) | 0 | 0 | 0 | 16.7 | 83.3 |
| Atribut kebolehbelaajaran (difahami) | 0 | 0 | 0 | 25 | 75 |
| Atribut kecekapan (penggunaan masa yang singkat) | 0 | 0 | 0 | 41.7 | 58.3 |
| Atribut kepuasan (berasa selesa) | 0 | 0 | 0 | 41.7 | 58.3 |

Adanya *iltifāt* KGN Ilahi dalam ayat tersebut, iaitu Kata Nama Khas **الله** yang ditukarkan kepada KGN pertama jamak **نَحْنُ**, namun kedua-dua Kata Nama berkenaan merujuk kepada Allah (Ṭabl, 1998). Yusoff Zaky cenderung kepada teknik literal jenis morfem bebas semasa menterjemahkan *multafat* ‘*anhu* [الله] [*Allah*]. Namun begitu, beliau menterjemahkan *multafat ilayhi* [نَحْنُ] secara eksplisitasi jenis pengkhususan [*Allah*]. Maka, terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi [*Allah – Allah*] oleh Yusoff Zaky adalah sekata daripada sudut pola Kata Nama sekaligus mempengaruhi tahap kebolegunaan terjemahannya dalam kalangan pembaca sasaran. Jadual 3 memperlihatkan 100% responden bersetuju bahawa terjemahan Yusoff Zaky [*Allah akan mengurniakan*] membantu kefahaman terjemahan secara menyeluruh dengan 83.3% daripada mereka sangat bersetuju. Selain itu, 100% responden juga bersetuju bahawa terjemahan Yusoff Zaky [*Allah akan mengurniakan*] difahami dengan 75% daripada

mereka sangat bersetuju. Ini menunjukkan bahawa pendekatan eksplisitasi kategori pengkhususan [Allah] menyerlahkan kohesi dengan terjemahan rangkaian kata sebelumnya [mencari keredaan Allah] sekaligus membolehkan responden memahami entiti yang terlibat.

Di samping itu, 100% responden bersetuju bahawa mereka menggunakan masa yang singkat untuk memahami terjemahan Yusoff Zaky [Allah akan mengurniakan] dengan 58.3% daripada mereka sangat bersetuju. 100% responden juga bersetuju bahawa mereka berasa selesa ketika membaca terjemahan Yusoff Zaky [Allah akan mengurniakan] dengan 58.3% daripada mereka sangat bersetuju. Ini menunjukkan bahawa responden lebih selesa dengan pendekatan eksplisitasi kategori pengkhususan terhadap terjemahan KGN *iltifāt* [Allah] berbanding teknik terjemahan yang lain. Justeru, terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi oleh Yusoff Zaky dalam sampel kedua berkenaan datang dengan tahap kebolegunaan yang tinggi daripada sudut kualiti terjemahannya.

Sampel 3

﴿وَاصْبِرْ لِحُكْمِ رَبِّكَ فَإِنَّكَ بِأَعْيُنِنَا...﴾ (٤٨)

Terjemahan Yusoff Zaky: “Sabarlah (wahai Muhammad) menunggu keputusan **Tuhan**mu sesungguhnya engkau berada **di mata Kami**... (48)” (surah al-Ṭūr 52: 48)

Jadual 4: Peratusan atribut kebolegunaan terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi bagi sampel ketiga

| Sampel 3 | Maklum balas (%) | | | | |
|---|------------------|------|------|------|------|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| Atribut keberkesanan (bantu kefahaman menyeluruh) | 8.3 | 25 | 33.3 | 25 | 8.3 |
| Atribut kebolehbelaian (difahami) | 8.3 | 41.7 | 25 | 16.7 | 8.3 |
| Atribut kecekapan (penggunaan masa yang singkat) | 16.7 | 8.3 | 16.7 | 41.7 | 16.7 |
| Atribut kepuasan (berasa selesa) | 8.3 | 16.7 | 16.7 | 25 | 33.3 |

Ayat ini mengandungi Kata Nama Khas رَبَّ yang ditukarkan kepada KGN pertama jamak نُحْنُ pada rangkaian kata بِأَعْيُنِنَا dan kedua-dua Kata Nama berkenaan mengisyaratkan kepada Allah (Ṭabl, 1998). Yusoff Zaky menterjemahkan *multafat* ‘anhu [رَبَّ] [Tuhan] secara literal jenis morfem bebas. Jika diamati, *multafat* ilayhi [نُحْنُ] terdapat pada rangkaian kata بِأَعْيُنِنَا yang bercirikan *mutasyābihāt* [ciri yang seakan-akan menyerupakan Tuhan dengan makhluk]. Namun begitu, Yusoff Zaky menterjemahkan rangkaian kata بِأَعْيُنِنَا dengan *multafat* ilayhi [نُحْنُ] secara literal, iaitu “engkau berada di mata Kami”. Terjemahan sebegini seolah-olah mengisyaratkan kepada pembaca sasaran bahawa entiti “Kami” berkenaan tidak berkaitan Tuhan memandangkan terdapat kata “mata” yang mengisyaratkan kepada entiti makhluk. Maka, ini memberi kesan kepada kebolegunaan terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi dalam al-Quran.

Berdasarkan jadual 4, hanya 33.3% responden bersetuju bahawa terjemahan Yusoff Zaky [di mata Kami] membantu kefahaman terjemahan secara menyeluruh yang mana 33.3% responden yang lain tidak bersetuju bahawa terjemahan tersebut membantu kefahaman menyeluruh di samping 33.3% responden yang lain berkecuali dalam memberikan pendapat mereka. Ini berpunca daripada kata “mata” yang dikaitkan dengan kata “Kami” dalam

terjemahan Yusoff Zaky walhal KGN ini merujuk kepada Tuhan sekaligus menyebabkan kekaburan makna.

Tambahan pula, 50% responden tidak bersetuju bahawa terjemahan Yusoff Zaky tersebut [*di mata Kami*] difahami dan 25% responden pula berkecuali dalam menyatakan pandangan berkaitan kebolehdajaran terjemahan. Selain itu, 25% responden tidak bersetuju bahawa terjemahan Yusoff Zaky [*di mata Kami*] difahami dalam masa yang singkat dengan 16.7% daripada mereka sangat tidak bersetuju. Di samping itu, 41.6% responden pula tidak bersetuju bahawa mereka berasa selesa ketika membaca terjemahan Yusoff Zaky [*di mata Kami*] di samping 33.3% responden lain berkecuali dalam memberikan pendapat mereka berkaitan kepuasan terjemahan. Ini mengisyaratkan bahawa teknik literal jenis morfem bebas yang digunakan oleh Yusoff Zaky bagi *iltifāt* KGN Ilahi [*Kami*], namun perkaitannya dengan kata yang merujuk kepada makhluk [*mata*] menjadikan majoriti responden tidak berasa selesa dengan terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi berkenaan. Maka, terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi oleh Yusoff Zaky dalam sampel ketiga tersebut datang dengan tahap kebolegunaan yang rendah daripada sudut kualiti terjemahannya.

Sampel 4

﴿سَنْقُرُوكَ فَلَا تَنْسَى (٦) إِلَّا مَا شَاءَ اللَّهُ... (7)﴾

Terjemahan Yusoff Zaky: “(Wahai Muhammad!) ***Kami akan bacakan*** *al-Quran* kepadamu. Oleh itu, engkau tidak akan lupa (6) Kecuali apa yang dikehendaki ***Allah***... (7)” (surah *al-A’lā* 87: 6-7).

Jadual 5: Peratusan atribut kebolegunaan terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi bagi sampel keempat

| Sampel 4 | Maklum balas (%) | | | | |
|---|------------------|------|------|-----|------|
| | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 |
| Atribut keberkesanan (bantu kefahaman menyeluruh) | 8.3 | 16.7 | 25 | 25 | 25 |
| Atribut kebolehdajaran (difahami) | 0 | 41.7 | 25 | 8.3 | 25 |
| Atribut kecekapan (penggunaan masa yang singkat) | 0 | 25 | 33.3 | 25 | 16.7 |
| Atribut kepuasan (berasa selesa) | 0 | 33.3 | 16.7 | 25 | 25 |

Pertukaran KGN Ilahi dalam ayat ini berkisarkan KGN pertama jamak *نَحْنُ* pada rangkai kata *سَنْقُرُوكَ* kepada Kata Nama Khas *الله* dan kedua-dua Kata Nama ini mengisyaratkan kepada Allah (Tabl, 1998). Yusoff Zaky menerapkan pendekatan literal jenis morfem bebas ketika menterjemahkan *multafat* ‘*anhu* [*نَحْنُ*] [*Kami*]. Maka, terjemahan rangkai kata *سَنْقُرُوكَ* dengan *iltifāt* KGN Ilahi [*Kami akan bacakan al-Quran*] menggambarkan seolah-olah terdapat entiti ramai yang membacakan nabi Muhammad SAW *al-Quran*. *Multafat ilayhi* [*الله*] [*Allah*] diterjemahkan Yusoff Zaky secara literal jenis morfem bebas. Dalam pada itu, terjemahan rangkai kata *الله شَاءَ* dengan *multafat ilayhi*, iaitu “apa yang dikehendaki Allah” oleh Yusoff Zaky memperlihatkan kewujudan teknik transposisi wajib. Pola rangkai kata *الله مَا شَاءَ* ialah predikat [*شَاءَ*] - subjek [*الله*] yang bermula dengan elemen predikat dan ini tergolong dalam ayat aktif. Oleh sebab sesuatu ayat dalam sistem bahasa Melayu tidak dimulakan dengan elemen predikat (Nik Safiah et al., 2011), maka perlunya transposisi wajib dalam

penterjemahan rangkai kata *شَاءَ الله*. Maka, rangkai kata *شَاءَ الله* diterjemahkan oleh Yusoff Zaky kepada pola ayat pasif, iaitu [Kata Kerja Pasif [*dikehendaki*] + Objek Tetap [*Allah*]].

Didapati daripada jadual 5, 25% responden tidak bersetuju bahawa terjemahan Yusoff Zaky [*Kami akan bacakan al-Quran*] membantu kefahaman terjemahan secara menyeluruh yang mana 25% responden yang lain berkecuali dalam menyatakan pendapat terhadap keberkesanan terjemahan tersebut. Ini kerana terjemahan Yusoff Zaky yang mana kata "*Kami*" dipadankan dengan kata "*bacakan*" sekaligus menimbulkan kekaburan entiti KGN *iltifāt*. Seterusnya, 41.7% responden tidak bersetuju bahawa terjemahan Yusoff Zaky [*Kami akan bacakan al-Quran*] difahami di samping 25% responden lain berkecuali dalam menyatakan pandangan tentang kebolehbelaian terjemahan berkenaan. Dalam pada itu, 25% responden tidak bersetuju bahawa terjemahan Yusoff Zaky [*Kami akan bacakan al-Quran*] boleh difahami dalam masa yang singkat berbanding yang mana 33.3% responden lain berkecuali dalam menyatakan pendapat berkaitan kecekapan terjemahan tersebut. Hal ini demikian kerana terjemahan Yusoff Zaky [*Kami akan bacakan al-Quran*] mengisytiharkan bahawa Tuhan membacakan al-Quran secara langsung kepada nabi Muhammad, maka ini mengundang kepada kekaburan entiti KGN "*Kami*". Di samping itu, 33.3% responden tidak bersetuju bahawa terjemahan Yusoff Zaky [*Kami akan bacakan al-Quran*] selesa untuk dibaca memandangkan kekaburan makna daripada perkaitan "*Kami*" dengan perlakuan membacakan al-Quran dalam terjemahan Yusoff Zaky menyebabkan hampir sebahagian responden berasa tidak selesa ketika membacanya.

Oleh hal yang demikian, terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi oleh Yusoff Zaky dalam sampel keempat berkenaan datang dengan tahap kebolehgunaan yang rendah daripada sudut kualiti terjemahannya.

Kesimpulan

Konsep kebolehgunaan dalam penilaian kualiti terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi oleh Yusoff Zaky menjadi teras kajian ini. Suatu yang pasti ialah pendapat pembaca sasaran mempengaruhi kualiti terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi daripada sudut kebolehgunaan terjemahannya. Tahap persetujuan yang diberikan oleh pembaca sasaran adalah berbeza mengikut teknik terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi. Misalnya, tahap kebolehgunaan terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi oleh Yusoff Zaky adalah rendah apabila teknik terjemahan tunggal [pendekatan literal jenis morfem bebas] diaplikasi. Ini bermaksud pembaca sasaran mempunyai tanggapan negatif terhadap teknik literal dan berpendapat pendekatan terjemahan sebegini tidak menghasilkan terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi yang mempunyai nilai kebolehgunaan. Maka, tidak hairanlah apabila al-Farisi (2017) menegaskan bahawa pendekatan literal tidak sesuai diaplikasi dalam terjemahan *iltifāt* KGN memandangkan teknik ini menyebabkan miskonsepsi entiti dalam kalangan pembaca sasaran. Namun, penerapan teknik eksplisitasi sama ada kategori pengkhususan atau maklumat dalam kurungan membolehkan terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi mempunyai tahap kebolehgunaan yang tinggi. Hal ini demikian kerana melalui teknik eksplisitasi, entiti KGN berunsur *iltifāt* dinyatakan dalam teks sasaran dan menampakkan kesatuan entitinya dengan komponen *iltifāt* yang lain (al-Badani et al., 2016).

Di samping itu, empat atribut kebolehgunaan terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi oleh Yusoff Zaky, iaitu keberkesanan, kebolehbelaian, kecekapan dan kepuasan dilihat saling berhubung kait dan mempengaruhi tahap prestasi antara satu dengan yang lain. Contohnya, terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi yang kurang membantu kefahaman terjemahan secara menyeluruh mempengaruhi kesenangan pembaca sasaran memahami terjemahan *iltifāt*. Perkara ini secara tidak langsung menjejaskan kecekapan pembaca sasaran untuk memperoleh makna terjemahan sekaligus menyebabkan rasa tidak selesa menggunakan terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi. Penterjemah al-Quran sewajarnya menggunakan pendekatan terbaik ketika menterjemahkan gaya bahasa *iltifāt* KGN Ilahi agar terjemahan yang dihasilkan memenuhi keperluan dan kehendak pembaca sasaran. Penglibatan pembaca sasaran, iaitu pengguna terjemahan adalah signifikan dalam penilaian kualiti terjemahan memandangkan pembaca sasaran merupakan pengguna akhir [*end user*] yang menentukan sama ada mereka mendapat manfaat secara langsung daripada terjemahan atau sebaliknya. Ini selaras dengan pandangan Dumas dan Redish (1999) yang menegaskan bahawa elemen terpenting yang mesti diutamakan dalam konsep kebolehgunaan produk ialah penggunaannya. Oleh hal yang demikian, konsep kebolehgunaan dapat dijadikan pendekatan baharu untuk merumuskan sejauh mana terjemahan *iltifāt* KGN Ilahi dalam al-Quran membantu pembaca sasaran untuk mencapai maklumat tertentu. Dengan kata lain, konsep ini dapat diterapkan untuk meninjau kualiti teks terjemahan.

Rujukan

- Abdul-Raof, H. (2001). *The Qur'an translation: Discourse, texture and exegesis*. London, England: Routledge.
- al-Badani, N. A. M. A., Mat Awal, N., Zainudin, I. S., & Aladdin, A. (2016). Expansion strategy in the translation of *iltifāt* in *sūrat al-baqarah*. *Arab World English Journal (AWEJ)*, 7(5), 54-65. <https://awej.org/images/AllIssues/Specialissues/Translation5/4.pdf>
- Bevan, N. (1995a). Measuring usability as quality of use. *Software Quality Journal*, 4(2), 115-130. doi:10.1007/BF00402715
- Bevan, N. (1995b). *Usability is quality of use*. In K. O., Yuichiro Anzai & M., Hirohiko (Eds.). [Paper presentation]. The Proceedings of the 6th International Conference on Human Computer Interaction, Yokohama, Japan.
- Bevan, N. (1997). *Quality and usability: A new framework*. (Veenendaal, E., & McMullan, J., Eds.). Delft, Netherlands: Tutein Nolthenius.
- Byrne, J. (2006). *Technical translation: Usability strategies for translating technical documentation*. Dordrecht, Netherlands: Springer Netherlands.
- Choong, F. Y. (2013). Kebolehgunaan terjemahan teknikal dan aplikasi konsepnya untuk menilai kualiti terjemahan teknikal [Master's thesis, University of Science, Penang, Malaysia]. <http://eprints.usm.my/43273/1/Choong%20Foong%20Yam24.pdf>

- Dessler, G. (2000). *Human resource management* (8th ed.). New Jersey, NJ: Prentice Hall.
- Dumas, J., & Redish, J. (1999). *A practical guide to usability testing*. Exeter, England: Intellect Ltd.
- al-Farisi, M. Z. (2015). Speech act of iltifat and its Indonesian translation problems. *Indonesian Journal of Applied Linguistics*, 4(2), 78-90. <https://ejournal.upi.edu/index.php/IJAL/article/view/685/493>
- al-Farisi, M. Z. (2017). The translation of iltifat verses: An analysis of translation ideology. *Conference Proceedings of the Tenth Conference on Applied Linguistics and the Second English Language Teaching and Technology Conference in collaboration with the First International Conference on Language, Literature, Culture, and Education (CONAPLIN and ICOLLITE 2017)*, Bandung, Indonesia. doi:10.5220/0007165602600265
- Faulkner, C. (1998). *The essence of human-computer interaction*. New York, NY: Prentice Hall.
- Faulkner, S. L., & Trotter, S. P. (2017). Data saturation. *The International Encyclopedia of Communication Research Methods*, 1-2. doi:10.1002/9781118901731.iecrm0060
- Ibn ‘Āsyūr, M. T. (1984). *Tafsīr al-tahrīr wa al-tanwīr*. Tunis, Tunisia: al-Dār al-Tūnissiyya li al-Nasyr.
- Ibn Kathīr, I. A. (1998). *Tafsīr al-qur’ān al-‘aẓīm*. Beirut, Lebanon: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyya
- Jordan, P. W. (1998). *An introduction to usability*. London, England: Taylor & Francis.
- Larson, M. L. (1984). *Meaning-based translation: A guide to cross-language equivalence*. Lanham, MD: University Press of America.
- Leventhal, L., & Barnes, J. (2008). *Usability engineering*. New Jersey, NJ: Pearson Prentice Hall.
- Nielsen, J. (1993). *Usability engineering*. New York, NY: Academic Press.
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2011). *Tatabahasa dewan edisi ketiga*. Kuala Lumpur, Malaysia: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Preece, J., Rogers, S., Benyon, D., Holland, S., & Carey, T. (1994). *Human computer interaction*. New York, NY: Addison-Wesley Publishing Company.

- Quesenbery, W. (2001). What does usability mean: Looking beyond 'ease of use'. *Proceedings of the 48th Annual Conference, Society for Technical Communication*, 2001. <https://www.wqusability.com/articles/more-than-ease-of-use.html>
- Robinson, N. (1999). *Islam: A concise introduction*. Abingdon, United Kingdom: Routledge Curzon.
- Ṭabl, H. (1998). *Uslūb al-iltifāt fī al-balāghat al-qur'āniyyat*. Cairo, Egypt: Dār al-Fikr al-'Arabiyy.
- Vinay, J. P., & Darbelnet, J. (2000). *A methodology of translation*. New York, NY: Routledge.
- Yusoff Zaky Haji Yaacob. (2000). *Tafsir fi zilalil qur'an: Di bawah bayangan al-qur'an*. Kota Bharu, Malaysia: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.